



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 16 APRIL 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	LANGKAH TINGKAT INSENTIF PESAWAH, BANTUAN DIESEL PERKUKUH SEKURITI MAKANAN, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 19	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	TULIP MEKAR DI CAMERON HIGHLANDS, SANTAI, HARIAN METRO, M/S – 32 & 33	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
3.	362 TAN TEMBIKAI DITUAI DI TERENGGANU, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 28	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUSAN (FAMA)
4.	LEBIH 60,000 PESAWAH LEGA KENAIKAN INSENTIF BAJAK, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 1&3	LAIN - LAIN
5.	PESAWAH LEGA TAPI TETAP MOHON SUBSIDI, NEGARA, KOSMO, M/S – 6	
6.	KENAIKAN INSENTIF BUKAN PENYELESAIAN, PESAWAH TUNTUT DISENARAIKAN DI BAWAH SKDS, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 5	
7.	USAHA KENAL PASTI TANAH UNTUK PETANI MUDA, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 7	
8.	PENGORBANAN KEDAH WAJAR DIBALAS INSENTIF SESUAI, KEDAH, HAKAKAH, M/S – 15	
9.	YOUTH FARMING GETS A BOOSTS, NEWS, THE STAR, M/S – 4	
10.	TERENGGANU BANTU WARGA TANI TANGANI KOS DIESEL, TERENGGANU, HAKAKAH, M/S – 13	
11.	KENAIKAN HARGA DIESEL WUJUDKAN TEKANAN BERGANDA, NASIONAL, HAKAKAH, M/S – 2 & 3	
12.	FAHMI: BUDI95-STYLE DIESEL SALE ON THE CARDS, NATION, THE STAR, M/S – 2	
13.	PM ORDERS DIESEL SUBSIDY REVIEW, NEWS, NEW STRAITS TIMES, M/S – 2	
14.	PM ARAH TELITI SEGERA MEKANISME SUBSIDI DIESEL, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 3	
15.	BUAH GUGUR AWAL DILEMA PEKEBUN DURIAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 6	
16.	86 MAUT AKIBAT RABIES, 692 ANJING SUDAH DISUNTIK VAKSIN, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 18	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2026	BERITA HARIAN	NASIONAL	19

Langkah tingkat insentif pesawah, bantuan diesel perkukuh sekuriti makanan

Kuala Lumpur: Peningkatan insentif pesawah dan bantuan diesel oleh kerajaan dijangka merangsang produktiviti sektor agromakanan serta memperkukuh keterjaminan makanan negara.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menerusi kenyataan, semalam, berkata langkah itu amat signifikan dan tepat pada masanya dalam menghadapi cabaran krisis tenaga global yang menekan kos pengeluaran makanan serta rantai bekalan negara.

“KPKM merakamkan penghargaan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan, atas keprihatinan dan tindakan proaktif menambah baik bantuan kepada pesawah, petani, pekebun kecil serta pengguna diesel yang layak.

“Peningkatan Insentif Pembajakan kepada Pesawah (IPKP) daripada RM160 kepada RM300 sehektar bagi musim penanaman 2026 amat dihargai, khususnya dalam memban-

tu hampir 200,000 pesawah mengurangkan kos operasi,” menurut kenyataan itu.

Menurut KPKM, kesinambungan insentif penuaian turut mencerminkan komitmen berterusan kerajaan dalam menyokong sektor padi dan beras negara.

Kelmarin, Kerajaan MADANI bersetuju menaikkan bantuan tunai di bawah inisiatif BUDI Agri-Komoditi dan BUDI Diesel Individu daripada RM300 kepada RM400 sebulan bagi bulan ini.

Dalam perkembangan sama, kerajaan turut menaikkan kadar IPKP daripada RM160 kepada RM300 sehektar bagi musim penanaman tahun ini.

Kementerian Kewangan memaklumkan kenaikan itu membabitkan tambahan peruntukan sekitar RM40 juta dan dijangka memanfaatkan hampir 200,000 pesawah padi, dengan sebahagian mereka memulakan musim penanaman pada bulan ini.

Sementara itu, KPKM berkata, inisiatif BUDI Agri-Komoditi dan BUDI Die-

sel Individu dijangka memberi manfaat kepada lebih 200,000 petani dan pekebun kecil serta kira-kira 150,000 pemilik kenderaan diesel individu di Semenanjung.

“Bantuan ini membantu mengurangkan beban kos bahan api yang meningkat selain memastikan kelangsungan aktiviti pertanian dan pengeluaran makanan negara.

“Langkah melonggarkan syarat pembelian diesel bagi kegunaan jentera pertanian juga dilihat sebagai pendekatan pragmatik yang memudahkan operasi sektor agromakanan tanpa kekangan birokrasi,” katanya.

KPKM menegaskan akan terus bekerjasama rapat dengan kementerian dan agensi berkaitan bagi memastikan pelaksanaan inisiatif berkenaan berjalan lancar serta mencapai matlamat ditetapkan.

“KPKM kekal komited menyokong agenda Kerajaan MADANI dalam memperkukuh sektor pertanian negara demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2026	HARIAN METRO	SANTAI	32

SANTAI

FOKUS

Oleh Mahaizura Abd Malik
 mahaizura@mediaprima.com.my

Tidak perlu terbang jauh ke luar negara, panorama keindahan bunga tulip hanya boleh dinikmati setahun sekali di Cameron Highlands, Pahang, sekali gus memberi pengalaman luar biasa buat pengunjung.

Sekali pandang, hamparan tulip berwarna campuran oren-kuning, kuning, ungu dan merah jambu yang menghiasi Taman Agroteknologi Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) ini seakan-akan membawa pengunjung ke negara empat musim, walhal hakikatnya ia 'spring' yang dicipta di tengah iklim tropika.

Penulis sendiri menyaksikan keterujaan pekerja swasta, Basir Mohd Amin, 33, yang datang dari Kulim, Kedah bersama isteri, Hasmidah Hassan, 43, semata mata ingin melihat sendiri keindahan tulip selepas tertarik dengan perkongsian di media sosial.

"Bila saksikan sendiri, memang puas hati, tidak perlu pergi luar negara pun," katanya.

Menurutnya, inisiatif MARDI itu membuka mata bahawa tanaman luar negara juga berpotensi dikembangkan di Malaysia dengan penyelidikan sesuai dan betul.

"Saya harap lebih banyak lagi projek seperti ini dilaksanakan pada masa depan," katanya.

TULIP MEKAR DI CAMERON HIGHLANDS

Keindahan bunga ikonik di Taman Agroteknologi MARDI beri pengalaman seakan-akan berada di negara empat musim



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2026	HARIAN METRO	SANTAI	33

PENGUNJUNG merakam foto tulip di Taman Agroteknologi MARDI Cameron Highlands



di tempat asal, berbeza dengan iklim negara ini. Katanya, MARDI menggunakan kaedah pengurusan rumah hijau, sistem kawalan suhu dan kelembapan, teknik penyejukan bebawang (vernalization) serta sistem pengaliran terkawal untuk proses penanaman tulip yang mengambil masa lapan hingga 12 minggu. "Cabarnya ialah kita perlu mengawal suhu dan 'cipta' keadaan sejuk itu

melalui bilik sejuk sebelum ditanam. "Bebawang tulip perlu melalui tempoh dormansi antara 12 hingga 16 minggu sebelum tempoh penyemaian semula dengan suhu sekitar 16 hingga 20 darjah celsius pula sesuai untuk pertumbuhannya," katanya ketika lawatan khas media ke Taman Agroteknologi MARDI, Sabtu lalu. Beliau berkata, perubahan suhu semasa di

Malaysia turut memberi kesan kepada jangka hayat bunga yang semakin pendek. "Dalam pemerhatian kami, tulip boleh bertahan sehingga 14 hari antara 2022 hingga 2024. Ia berbeza pada 2025 hingga 2026 iaitu hanya kira-kira 10 hari sahaja," katanya. Tambahnya, di Cameron Highlands, tulip biasanya mekar antara Januari hingga April, setahun sekali kerana tempoh rehatnya yang panjang.



TULIP yang ditanam di Taman Agroteknologi MARDI Cameron Highlands

"Tahun ini ia berbunga pada April. Selepas tempoh ini, kita perlu biarkan ia menyerap nutrien sebelum simpan semula bebawangnya dalam suhu sejuk antara dua hingga lima darjah celsius sebelum kitaran seterusnya," katanya.

Nur Shahirah berkata, benih tulip diimport dari Belanda dengan kadar kejayaan penanaman antara 40 hingga 50 peratus kerana faktor saiz bebawang, penyakit dan cuaca.

"Selain kos penyelenggaraan tinggi, cabaran lain semasa proses penanaman tulip ialah serangan penyakit dan kulat, kelebihan air serta gangguan tikus yang gemar memakan bebawangnya," katanya.

Katanya, buat masa ini, hanya dua jenis tulip ditanam iaitu 'Garden Tulip' (Tulipa Gesneriana) dan 'Lady Tulip' (Tulipa Clusiana).

Kata Nur Shahirah, pihaknya menyasarkan penanaman tulip, 1,500 pada masa ini, kepada 2,000 hingga 3,000 pokok dalam tempoh dua hingga tiga tahun akan datang.

Penanaman tulip berpotensi besar dalam sektor agropelancongan dan industri flori-kultur Malaysia kerana ia mampu menarik lebih ramai pelancong, seterusnya menjana pendapatan negara selain menambah kepelbagaian produk bunga tempatan.

Selain tulip, Taman Agroteknologi MARDI yang menjadi lokasi ladang teh tertua dan kilang teh pertama Malaysia itu turut menempatkan taman berkonsepkan Inggeris dengan penanaman 100 jenis bunga termasuk 'Jade Vine' dan 'Lady Shoes'.

Ia juga ditanam dengan buah-buahan subtropika termasuk pisang kaki, loquat, 'Jaboticaba' (anggur Brazil), buah tin, jambu strawberi (Indian Guava) selain kacang 'Macadamia', 'Kale', cili 'Habanero' dan labu air.

Penjawat awam, Khairuddin Sulaiman, 36, pula berkata, dia tidak menyangka tulip yang sinonim dengan negara beriklim sejuk boleh ditanam di Malaysia.

Katanya, pengalaman melihat tulip mekar itu turut mengimbau kenangan ketika dia berkunjung ke Istanbul, Turkiye pada 2018 yang terkenal dengan festival bunga berkenaan.

"Saya cukup bangga kerana pihak berkaitan di Malaysia berjaya menanam tulip. Walaupun varieti di luar negara ada banyak warna, tetapi tulip di sini pun sudah cukup cantik untuk kita nikmati bersama isteri dan anak-anak," katanya.

Namun, di sebalik keindahan tulip, projek yang diusahakan MARDI sejak 2022 ini sebenarnya percubaan mencabar terutama dalam menyesuaikan bunga iklim sejuk itu dengan cuaca panas dan lembap di Malaysia.

Menurut Pengurus Ladang MARDI Cameron Highlands, Nur Shahirah Jahuri, bunga sensitif itu memerlukan suhu antara 12 hingga 18 darjah celsius



Tahun ini ia berbunga pada April. Selepas tempoh ini, kita perlu biarkan ia menyerap nutrien sebelum simpan semula bebawangnya dalam suhu sejuk antara dua hingga lima darjah celsius sebelum kitaran seterusnya

NUR SHAHIRAH



WAKIL media merakam keindahan tulip mekar

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	28



MUHAMMAD Fadlee Hassan (tengah, depan) melihat hasil tembikai di Program Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Kampung Nyatoh, Setiu, Terengganu. - UTUSAN/WAN ZURATIKAH IFFAH WAN ZULKIFLI

362 tan tembikai dituai di Terengganu

SETIU: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Terengganu merekodkan pengeluaran sebanyak 362 tan metrik tembikai bagi suku pertama tahun ini.

Pengarahnya, Muhammad Fadlee Hassan berkata, kutipan hasil itu dilakukan di dua Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Serating dan TKPM Alor Ketir di Marang bagi fasa pertama di negeri ini.

“Di Marang, penglibatan 22 peserta menuai hasil sebanyak 1,028 tan metrik tembikai yang mana daripada jumlah itu, 362 tan metrik dibeli oleh FAMA dengan kos sebanyak RM450,000.

“Buah dibeli ini adalah gred premium yang diukur daripada segi beratnya tidak kurang daripada 4.5 kilogram, kematangan buah dan kadar ‘kecatan’ di bawah lima peratus,” katanya pada majlis menan-

datangani perjanjian jual beli dan sesi dialog dengan pekebun di Kampung Nyatoh di sini, semalam.

Menurut Muhammad Fadlee, lebihan buah tersebut dijual sendiri pekebun dengan bantuan peralatan mahupun pemasaran oleh FAMA.

Katanya, tuaian fasa kedua tembikai dijangka dilaksanakan dalam tempoh 10 hari lagi dan dilakukan oleh 11 peserta dari TKPM di Kampung Nyatoh, Setiu.

“Hasil tuaian serta belianya dijangka mencecah 200 hingga 250 tan metrik buah.

“Harga yang dipersetujui kini adalah bernilai RM1.10 sehingga RM1.20 bagi satu kilogram tembikai.

“Sekiranya berlaku penurunan harga, FAMA tetap membayar pekebun dengan harga lantai iaitu RM0.85 perkilogram,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	1

Lebih 60,000 pesawah lega kenaikan insentif bajak

Oleh **MUHAMAD AIMY
AHMAD, MOHD. HAFIZ ABD.
MUTALIB, YATIMIN ABDULLAH
dan ROSMIZAN RESDI**
utusannews@mediamulia.com.my

ALOR SETAR: Lebih 60,000 pesawah di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan sekitarnya menarif nafas lega atas pengumuman kerajaan menaikkan kadar Insentif Pembajakan kepada Pesawah (IPKP) kepada RM300 bagi meringankan beban kos pengeluaran padi.

Pengerusi Badan Bertindak Petani di kawasan MADA, Che Ani Mat Zain berkata, tambahan sebanyak RM140 daripada RM160 sebelum ini bagi keluasan sehektar itu amat diperlukan, ketika kos mengerjakan sawah melonjak akibat kenaikan diesel.

Katanya, mereka berharap pertambahan IPKP tidak disusuli dengan kenaikan mendadak harga diesel yang dibimbangi akan tetap menyebabkan pesawah terpaksa menyerap kos pembajakan.

Menurutnya, kos pembajakan kini sekitar RM180 sere lung atau kira-kira RM525 sehektar untuk satu pusingan yang kebiasaan memerlukan tiga pusingan pembajakan, sebelum proses penanaman bermula.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	3

Lebih 60,000 pesawah lega kenaikan insentif bajak

Dari muka 1

Ujarnya, jika kenaikan upah membajak meningkat kepada RM230 serelung seperti digembar-gemburkan sebelum ini, ia akan tetap membebankan para petani.

"Alhamdulillah kami berterima-kasih kepada kerajaan yang mendengar keluh-kesah para petani yang membanting tulang untuk menanam padi bagi menyediakan bekalan beras kepada negara," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) MADA, Ishak Taib berkata, penambahan itu memberi manfaat langsung kepada 55,904 peladang dalam MADA serta menjadi sokongan penting dalam mendepani cabaran kos pengeluaran semasa.

"Kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kera-



Kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kerajaan atas keprihatinan berterusan dalam memastikan kelangsungan sektor pertanian."

jaan atas keprihatinan berterusan dalam memastikan kelangsungan sektor pertanian serta jaminan bekalan makanan negara sentiasa terpelihara," katanya.

Di Perlis, pesawah berpendapat kenaikan kadar IPKP akan meringankan beban pesawah,

sekiranya dibayar mengikut musim.

Zamzuri Ishak, 42, berkata, ini kerana lazimnya pembayaran insentif tersebut dibuat pada musim akan datang.

"Insentif untuk pesawah ini tidak dinafikan sedikit sebanyak boleh membantu, namun pesawah tetap perlu menanggung kos operasi yang tinggi ekoran kenaikan harga diesel tersebut.

"Kos jentera berat bagi proses membajak ketika ini meningkat kepada RM1,575 sehektar berbanding sebelum ini, RM938. Kos tetap naik, jika harga diesel terus melonjak.

"Kos mesin padi pula dijangka naik kepada RM868 sehektar berbanding RM625 sebelum ini. Kenaikan kos operasi tersebut boleh mencecah 35 sehingga 50 peratus," katanya.

Zamzuri yang mengusahakan sawah seluas 15 hektar berkata, tanaman musim ini akan bermula

berikutan hujan sudah mula turun.

Katanya, tanaman musim ini bermula bagi fasa satu pada 15 April diikuti fasa dua (29 April) dan fasa tiga (13 Mei).

Di Kelantan, rata-rata pesawah memilih mengecilkan kawasan tanaman bagi musim baharu dalam meredakan tekanan akibat peningkatan kos.

Mohd. Faisal Mohd. Noor berkata, kenaikan kos sebanyak RM300 bagi kawasan seluas 0.4 hektar memberikan kesan kepadanya dan rakan-rakan dalam mengusahakan tanaman tersebut.

"Musim lalu modal untuk tanaman padi sekitar RM1,800. Untuk musim baharu dengan kenaikan diesel secara berterusan ini besar kemungkinan kos untuk mengusahakan sawah menjadi RM2,100 untuk 0.4 hektar.

"Itu belum ditambah dengan kenaikan harga input pertanian yang lain seperti baja, racun, vitamin dan sebagainya," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	3

Pesawah lega tapi tetap mohon subsidi

LANGKAWI – Pertubuhan Per-saudaraan Pesawah Malaysia (PeSawah) menghargai usaha kerajaan yang menaikkan kadar Insentif Pembajakan kepada Pesawah (IPKP), daripada RM160 kepada RM300.

Pengerusi PeSawah, Abdul Rashid Yob berkata, bagaimanapun, kenaikan itu belum mencukupi bagi menampung kos penanaman padi kerana kos pembajakan lebih tinggi.

Katanya, keadaan itu berlaku susulan krisis tenaga global yang menyebabkan kenaikan harga diesel secara mendadak.

“Saya berharap kerajaan dapat mempertimbangkan perluasan pemberian subsidi Budi Diesel kepada jentera penanaman padi, bukan sekadar petani yang me-

ngusahakan tanaman lain sahaja.

“Di negara ini kita lebih banyak makan nasi, jadi kerajaan sepatutnya memberi lebih fokus kepada pesawah bagi memastikan bekalan beras terus terjamin,” katanya semalam.

Seorang pesawah dari Langkawi, Hassim Saad yang juga Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Langkawi turut berharap kerajaan dapat memberikan subsidi diesel kepada pesawah atau menaikkan harga belian padi daripada RM1,500 kepada RM3,000 setiap tan.

“Kerajaan juga boleh memansuhkan subsidi baja dan racun serta menggantikannya dengan kenaikan harga padi bagi memastikan pesawah mendapat keuntungan sewajarnya,” ujarnya.



PESAWAH membaiki batas sawah di Kampung Tanjung, Kuala Nerang.
– GAMBAR HIASAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	3

Kenaikan insentif bukan penyelesaian, PeSAWAH tuntut disenaraikan di bawah SKDS

SHAH ALAM -

Pengumuman Insentif Pembajakan kepada Pesawah (IPKP) bagi musim penanaman 2026 yang dinaikkan kepada RM300 sehektar pada Selasa, masih belum mampu menampung kos sebenar operasi di lapangan.



ABDUL RASHID

Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob berkata, penambahan sebanyak RM140 sehektar itu tidak dapat mengimbangi kos yang dikeluarkan apabila terpaksa membeli diesel pada harga pasaran semasa iaitu RM6.72 seliter.

"Kos semasa pembajakan sekitar RM700 sehektar tetapi setiap musim kami memerlukan sekurang-kurangnya dua kali pembajakan menjadi kos keseluruhan RM1,400.

"Jurang RM300 dan RM1,400 ini memang tidak boleh kami tampung. Kalau harga semasa bahan api naik lagi, kos mengusahakan sawah akan melambung lagilah," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut Abdul Rashid, pengkealan insentif penuaian sebanyak RM50 disifatkan tidak lagi relevan apabila kos penggunaan mesin penuaian kini boleh mencecah sehingga RM875 sehektar.

Selain itu, pihaknya turut melauhkan kebimbangan terhadap kelewatan pembayaran insentif hinggakan pesawah terpaksa mendahulukan wang sendiri bagi

menanggung keseluruhan kos penanaman padi.

"Kerajaan umum pemberian insentif penyasaran subsidi diesel Jun 2024, namun selepas tiga musim dilaksanakan, bayaran untuk satu musim sahaja diterima, yang *backdated* belum terima lagi sedangkan kami telah keluaran perbelanjaan sendiri.

"Bagi insentif penuaian pula, sehingga kini masih belum sampai di tangan petani. Ini antara kekecewaan kami kerana ia janji pihak kementerian untuk selesaikan kenaikan kos sebelum ini," ujarnya.

Walaupun kerajaan menyediakan insentif pembajakan dan penuaian, Abdul Rashid menegaskan bahawa penyelesaian sebenar isu adalah Sistem Kawalan Diesel Subsidi (SKDS).

"Kami menuntut kerajaan menyenaraikan sektor penanaman padi di bawah SKDS bagi membolehkan kami memperoleh kemudahan kad fleet seperti mana bot-bot nelayan, kenderaan perdagangan dan pengangkutan awam," katanya.

"Kami menuntut kerajaan menyenaraikan sektor penanaman padi di bawah SKDS bagi membolehkan kami memperoleh kemudahan kad fleet seperti mana bot-bot nelayan, kenderaan perdagangan dan pengangkutan awam," katanya.



Laporan *Sinar Harian* pada Rabu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	7

Usaha kenal pasti tanah untuk petani muda

IPOH: Perak berusaha mengenal pasti kawasan tanah milik kerajaan yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai tapak projek pertanian moden khususnya melibatkan golongan belia.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Mohd. Zolkafly Harun berkata, usaha itu akan turut disokong dengan latihan, khidmat teknikal serta bantuan permulaan bagi meningkatkan kebolehan petani muda.

Katanya, antara cabaran utama belia untuk menceburi sektor pertanian adalah kekangan daripada segi akses kepada tanah yang sesuai dan berskala ekonomik.

"Antara inisiatif yang sedang dipertimbangkan termasuklah penyediaan lot-lot pertanian berskala kecil hingga sederhana yang dilengkapi dengan kemudahan asas.

"Serta memberi keutamaan kepada golongan belia yang berminat dan berpotensi dalam bidang agroteknologi, fertigasi, pertanian pintar dan lain-lain

pendekatan moden," katanya dalam persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak di sini semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan daripada Salina Samsudin (BN-Behrang) mengenai usaha kerajaan negeri menyediakan tapak atau tanah bagi membantu belia memulakan projek pertanian moden.

Setahun lalu, golongan belia di Perak dianggap kurang menceburi sektor pertanian di mana lebih 76 peratus dikuasai oleh kelompok berusia 46 tahun ke atas.

Mengikut Jabatan Perangkaan, daripada segi umur, 46.6 peratus daripada pegangan individu dimiliki oleh mereka yang berumur 60 tahun ke atas diikuti 30 peratus oleh golongan umur 46 hingga 59 tahun.

Kata Mohd. Zolkafly, kerajaan negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah terbuka untuk mempertimbangkan cadangan pembangunan kawasan pertanian belia secara berkelompok sekiranya terdapat permohonan yang berdaya maju dan mempunyai sokongan teknikal.



MOHD. Zolkafly Harun pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak, semalam.

Pengorbanan Kedah wajar dibalas insentif sesuai

ALOR SETAR: Kerajaan Persekutuan dititah agar mengadakan semakan dan kajian semula berhubung kadar subsidi diesel yang diberikan kepada pengusaha feri khususnya di Pulau Langkawi.

Sultan Kedah, Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibi Almarhum Sultan Badlishah beritah, kesan kenaikan harga diesel berpotensi membawa kemerosotan kemasukan pelancong ke Pulau Lagenda itu, sekiranya mengesahkan pendapatan pengusaha serta para petani.

"Beta difahamkan kekecapan feri ulang alik ke Pulau Langkawi juga amat terhad ketika ini. Perkara ini perlu diteliti kerana ia juga akan memberi kesan negatif bukan sahaja kepada kemasukan pelancong tetapi kepada pengusaha feri, peniaga dan penduduk di pulau itu," titah baginda.

Usha ini titah baginda, amatlah penting bagi memastikan potensi sebenar Langkawi dapat direalisasikan sepenuhnya sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi negeri dan negara.

Baginda turut menzahirkan sokongannya, terhadap



Sultan Kedah, Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibi Almarhum Sultan Badlishah payung negeri Kedah.

pelaksanaan penanaman padi lima kali dalam tempoh dua tahun, sejajar Kedah yang terkenal dengan jolokan 'Jelapang Padi Negara'.

Namun titah baginda, agensi pembangunan dan penyelidikan seperti Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian

Malaysia (MARDI) perlu lebih agresif.

Iaitu titah baginda, agar mereka memberi tumpuan kepada pembangunan benih padi yang lebih bermutu tinggi, termasuk jentera dan teknologi moden.

Selain itu Tuanku juga menyarankan penggunaan 'Internet of Things' diperkasakan,

bagi membantu meningkatkan produktiviti sektor tersebut.

Dalam pada itu Tuanku Sultan tidak lupa merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan atas peruntukan untuk pembangunan infrastruktur bagi tujuan berkenaan.

"Walau" bagaimanapun,

Kerajaan Persekutuan juga perlu mengambil perhatian atas pengorbanan negeri Beta yang mengekalkan seluas 119,000 hektar kawasan padi dan 160,000 hektar kawasan tadahan air di Hutan Simpan Ulu Muda.

"Pengorbanan itu wajar disusuli dengan insentif kewangan sebagaimana yang telah dipohon oleh Kerajaan Negeri Kedah," titah baginda sempena Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah di Wisma Darul Aman, di sini.

Susulan cuaca panas yang melanda Kedah ketika ini, baginda juga menyarankan agar pendirian lebih tegas serta proaktif diambil bagi memelihara kawasan tadahan air termasuk aktiviti baham yang menjejaskan sumber air.

"Fenomena cuaca yang semakin tidak menentu termasuk ketidakseimbangan pola hujan dan musim kemarau yang berlaku ketika ini, memerlukan pengurusan sumber air yang mampan.

"Amalan pertanian yang lebih berdaya tahan selain penambahbaikan pelan mitigasi risiko bencana secara lebih serius perlu dilaksanakan," titah baginda lagi.

Youth farming gets a boost

Perak plans land and tech support for young agropreneurs

PERAK government is actively identifying suitable government land and expanding support mechanisms to encourage youth participation in modern agriculture, including smart farming, fertigation and hydroponic projects.

State agriculture committee chairman Datuk Mohd Zolkafly Harun said limited access to suitable and economically viable land remained one of the main challenges for young people entering the agricultural sector.

To address this, he said the state was working with district and land offices as well as technical agencies to identify government-owned land that could be developed into modern agricultural project sites.

"High intensity farming methods such as fertigation and hydroponics are being promoted, as these approaches require smaller land areas and can be implemented in modular and phased systems.

"These projects can also be carried out on existing agricultural land, idle land and urban farming spaces," he said during the Perak State Assembly sitting at Bangunan Perak Darul Ridzuan yesterday.

Mohd Zolkafly said this in response to Salina Samsudin (BN-Behrang) who asked if the



Mohd Zolkafly: Access to economically viable land a challenge for youth entering agricultural sector.



Perak is identifying land to encourage modern agricultural projects for youths to secure future national food supply. — Filepic

financing and start-up support for youth and enhancing agriculture as a competitive income source.

He added that strengthening agro-marketing systems and entrepreneur development as well as reshaping perceptions to position agriculture as a viable future career for young people, were being carried out.

Mohd Zolkafly said collaboration with agencies such as Agriculture Department, Federal Agricultural Marketing Authority and Malaysian Agricultural Research and Development Institute continued to provide land access as well as training, technical support and start-up assistance for young agropreneurs.

"These initiatives are part of Perak's broader effort to strengthen youth involvement in agriculture as a sustainable and competitive career path, while reinforcing long-term food security for the state and nation," he added.

hydroponics and smart farming. Mohd Zolkafly said the state government had been focusing on five initiatives, including modernising agriculture through technology adoption, providing

Terengganu bantu warga tani tangani kos diesel

KUALA TERENGGANU: Kerajaan Negeri Terengganu sedang merangka beberapa langkah proaktif bagi mengurangkan beban ditanggung golongan petani, penternak dan nelayan susulan peningkatan kos sara hidup serta gangguan rantaian ekonomi melibatkan bahan api diesel.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi negeri, Dato' Dr Azman Ibrahim berkata, kebantuan tinggi sektor pengeluaran terhadap diesel menjadikan isu berkenaan

perlu ditangani segera bagi memastikan kelangsungan ekonomi rakyat.

Beliau menyifatkan diesel sebagai nadi utama ekonomi negara kerana digunakan secara meluas dalam pelbagai sektor termasuk pengangkutan, perikanan, pertanian dan penjanaan tenaga.

"Kapal laut, lori, kereta api, bot nelayan, jentera pertanian malah janakuasa elektrik juga digerakkan oleh diesel. Jika dibiarkan tanpa rawatan yang betul, ekonomi akan menjadi tenat.

"Saya nilai sekarang banyak sektor ekonomi mula ter-

lantar di zon kuning wad kece-masan. Kalau dibiarkan lagi, mungkin akan berpindah ke-zon merah dan seterusnya terpaksa ditidurkan," katanya menerusi satu hantaran di laman *Facebook*.

Sehubungan itu, kerajaan negeri sedang meneliti pelaksanaan beberapa inisiatif termasuk pemberian moratorium pinjaman kepada peminjam Skim Pinjaman Modal Tani Kerajaan Negeri Terengganu bagi tempoh tertentu.

Selain itu, usaha turut difokuskan kepada penyusunan semula bantuan in-

put pertanian bagi membantut mengimbangi peningkatan kos pengeluaran yang dihadapi golongan terbabit.

Beliau berkata, langkah berkenaan merupakan respons segera kerajaan negeri dalam menghadapi kesan krisis global yang memberi tekanan kepada sektor ketertarikan makanan.

Terdahulu, isu penyelesaian subsidi diesel dan kenaikan harga input pertanian mencetuskan kebimbangan dalam kalangan pemain industri asas tani terhadap kelestarian sektor itu di negara ini.



Dr Azman Ibrahim

Kenaikan harga diesel wujudkan tekanan berganda



Dr Ahmad Fakhruddin Fakhrurazi



Abdul Rashid Yob



Beberapa orang Ahli Parlimen dan ADUN Perikatan Nasional bersama NGO, hadir dalam majlis dialog bersama petani dan NGO PeSAWAH di Bagan Serai untuk merasai sendiri denyut nadi dan mendengar keluhan gotongon pesawah ekoran kenaikan harga diesel.

<< Dari muka hadapan

DALAM masa sama, Dr Azman berkata, pesawah berdepan situasi tidak seimbang apabila kos meningkat tetapi harga padi kekal tidak berubah, selain kadar potongan di kilang ma-

sih tinggi.

Dalam keadaan itu, beliau menyifatkan bahawa 'yang tinggal untuk petani hanyalah air mata'.

"Saya bimbang jika tekanan ini berterusan, petani akan berputus asa untuk mengerjakan sawah. Nantijahnya, negara berisiko berhadapan krisis makanan," menurutnya.

Kos meningkat, hasil tidak berubah: Tekanan berganda

Kenaikan harga diesel bukan sahaja menambah kos tetapi mewujudkan tekanan berganda apabila hasil yang diperoleh tidak meningkat selari.

Menurut Dr Azman, kos mengusahakan sawah kini semakin tinggi, manakala harga lantai padi pula hanya menyamai kos pengeluaran.

"Dalam erti kata lain, pesawah menanggung kerja berat sepanjang musim, berhadapan risiko banjir, kemarau, penyakit tanaman dan

ketidaktentuan hasil.

"Tetapi pada akhirnya hanya pulang modal atau menanggung kerugian tersembunyi yang tidak diambil kira secara adil dalam perbincangan dasar," ulas beliau.

Pandangan itu turut disokong oleh Timbalan Pesuruhjaya PAS Kedah, **Dr Ahmad Fakhruddin Fakhrurazi** yang melihat kenaikan diesel sebagai ancaman kepada kelangsungan sektor pertanian.

Beliau mempersoalkan sejauh mana tindakan Kementerian berkaitan dalam menyerap kenaikan kos input, khususnya menjelang musim penanaman padi.

"Jadi, apakah langkah-langkah intervensi Kementerian Pertanian dan Kertahanan Makanan (KPKM) bersama agensi sebungung atau silang kementerian bagi menangani kenaikan kos input.

"Lebih-lebih lagi menjelang musim penanaman padi yang akan bermula ini," soal beliau

melalui kenyataannya.

Dalam masa sama, Pengerusi PeSAWAH, **Abdul Rashid Yob** menjelaskan bahawa, kos sebenar pembajakan boleh mencecah lebih RM600 sehektar, jauh melebihi insentif yang diberikan kerajaan.

Menurutnya, kenaikan harga bahan api turut menyebabkan kos satu tong diesel meningkat dengan ketara, sekali gus memaksa pengusaha jentera menaikkan kadar perkhidmatan.

Beban itu jelas beliau, akhirnya dipindahkan kepada pesawah yang terpaksa menanggung kos lebih tinggi tanpa jaminan pulangan yang setimpal.

Tambah beliau, keadaan itu mendorong sebahagian pesawah mencari sumber pendapatan tambahan kerana hasil padi sahaja tidak lagi mencukupi untuk menampung kehidupan.

Lanjut di H3 >>

BANDAR-BANDAR UTAMA SELURUH MALAYSIA		17/4/2026						
BANDAR	MSK	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ANAR	MAGNER	INSAK	
Kangar	6.01	6.01	7.10	1.21	4.29	7.28	8.38	
Alor Setar	5.51	6.01	7.09	1.20	4.29	7.27	8.38	
Pulau Pinang	5.52	6.02	7.10	1.20	4.30	7.27	8.37	
Ipoh	5.50	6.00	7.06	1.18	4.29	7.24	8.34	
Kuala Lumpur	5.48	5.58	7.06	1.16	4.27	7.21	8.31	
Shah Alam	5.48	5.58	7.06	1.16	4.27	7.21	8.31	
Seremban	5.48	5.58	7.05	1.14	4.27	7.19	8.29	
Melaka	5.47	5.57	7.06	1.13	4.26	7.17	8.27	
Johor Bahru	5.41	5.51	7.00	1.07	4.20	7.11	8.21	
Kuantan	5.43	5.53	7.02	1.10	4.22	7.15	8.25	
K. Terengganu	5.41	5.51	7.00	1.09	4.19	7.16	8.26	
Kota Bharu	5.44	5.54	7.03	1.13	4.22	7.20	8.26	
Kuching	5.16	5.26	6.35	12.42	3.56	6.46	7.56	
Kota Kinabalu	4.48	4.58	6.08	12.17	3.27	6.24	7.35	

Rantainya ekonomi terjejas: Pengguna tanggung beban

<< Dari H2

KESAN kenaikan diesel tidak terhenti di sektor pertanian, sebaliknya merebak ke seluruh rantaian ekonomi termasuk logistik, pengangkutan dan perusahaan kecil.

Menurutnya, keupayaan untuk menyerap kos tambahan adalah terhad, sekali gus meningkatkan risiko kenaikan harga kepada pengguna.

Beliau berkata bahawa, tekanan kos itu bukan sahaja menghimpit sektor pertanian tetapi juga sektor logistik, pembinaan, perladangan, perikanan dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Kesan berantai itu ulas beliau, akhirnya akan sampai kepada pengguna dalam bentuk kenaikan harga barangan di pasaran.

Keadaan itu menunjukkan bahawa diesel memainkan peranan penting dalam keseluruhan

sai dalam bentuk peningkatan kos sara hidup yang semakin ketara.

Ahli Jawatankuasa PAS Pusat, **Dr Haim Hilman Abdullah** menjelaskan bahawa kenaikan kos logistik akan menyebabkan harga barangan asas meningkat dalam tempoh terdekat.

"Dari beras ke sayur, dari susu anak ke minyak masak dan berbagai lagi keperluan hidup, akan semakin jauh dari

ke m a m p u a n rakyat biasa," tambah beliau yang juga Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah. Menurutnya,

sial apabila keluarga terpaksa mencau perbelanjaan dan berdepan tekanan emosi yang meningkat.

Situasi itu menunjukkan bahawa kesan kenaikan diesel akhirnya sampai kepada rakyat di peringkat paling bawah yang menjadi pengguna terakhir dalam rantaian ekonomi.

da pengusaha yang perlu menampung kos tambahan tanpa peningkatan hasil.

Selain itu, isu catuan diesel di stesen minyak katanya turut menambah kesukaran apabila bekalan cepat habis, memaksa pengusaha mencari alternatif lain atau membeli tanpa subsidi.

Situasi itu ulas beliau, berpotensi menjejaskan operasi perkhidmatan, terutama pada musim perayaan apabila permintaan meningkat, sekali gus memberi kesan kepada rakyat yang bergantung kepada pengangkutan awam.

Kesan berantai yang semakin melebar

Secara keseluruhannya, kenaikan harga diesel telah mencetuskan kesan berantai yang melibatkan pelbagai sektor daripada



Mohd Syahir Che Sulaiman

Dr Haim Hilman Abdullah

Che Ibrahim Che Ismail

Ahli Parlimen Bachok, **Mohd Syahir Che Sulaiman** menyifatkan situasi itu sebagai 'bom jangka' inflasi yang boleh mencetuskan tekanan kos lebih luas.

Menurut beliau, peningkatan harga bahan api akan memberi kesan langsung kepada kos logistik dan pengangkutan.

"Malaysia tidak terkecuali daripada tempias 'bahang' konflik tersebut, yang kini mula menjejaskan prospek pertumbuhan ekonomi dan kestabilan harga pasaran.

"(Ia) termasuk kepada isi rumah dan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS)," ulas beliau yang juga Setiausaha Politik Presiden PAS.

Sementara itu, Datuk Seri Takiyuddin Hassan turut menegaskan, dalam keadaan itu, PMKS dilihat antara paling terkesan kerana beroperasi dengan margin yang tipis.

“Kenaikan harga diesel telah mencetuskan kesan berantai yang melibatkan pelbagai sektor daripada pesawah di sawah kepada pengusaha logistik dan pengangkutan, sehinggalah kepada rakyat sebagai pengguna akhir.

rantaian ekonomi.

Apabila harganya meningkat, kesannya akan dirasai di setiap peringkat daripada pengeluaran hingga kepada penggunaan.

Rakyat di bawah paling terasa: Kos hidup makin menghimpit

Di peringkat pengguna, kesan kenaikan diesel mula dirai-

ramai rakyat kini mula berkira setiap sen untuk meneruskan kehidupan, manakala golongan B40 dan M40 menjadi paling terkesan apabila pendapatan tidak meningkat tetapi kos hidup terus bertambah.

Beliau turut menyatakan bahawa tekanan itu bukan sahaja memberi kesan kepada ekonomi isi rumah, malah boleh membawa implikasi so-

Pengangkutan awam dan perkhidmatan: Beban semakin berat

Sektor pengangkutan awam juga tidak terkecuali daripada kesan kenaikan diesel, khususnya dalam kalangan pengusaha bas ekspres.

Pengerusi Eksekutif Konsortium E-Mutiara Berhad, **Che Ibrahim Che Ismail** memaklumkan bahawa kuota subsidi diesel sedia ada tidak mencukupi apabila hanya mampu menampung penggunaan kira-kira 20 hari sebulan.

Menurutnya, baki penggunaan terpaksa dibeli pada harga pasaran yang lebih tinggi, sekali gus memberi beban besar kepada pengusaha.

Tambah beliau, tambang bas ekspres pula tidak dinaikkan sejak sekian lama walaupun kos operasi terus meningkat.

Keadaan itu terang beliau, menimbulkan tekanan kepa-

da pesawah di sawah kepada pengusaha logistik dan pengangkutan, sehinggalah kepada rakyat sebagai pengguna akhir.

Seperti yang ditegaskan oleh Datuk Seri Takiyuddin, kegagalan menangani isu itu secara segera boleh memberi kesan jangka panjang kepada kestabilan harga makanan, kesejahteraan rakyat dan ketahanan ekonomi negara.

Apa yang berlaku hari ini menunjukkan bahawa diesel bukan sekadar bahan api tetapi merupakan nadi kepada keseluruhan ekonomi.

Apabila kosnya meningkat, seluruh rantaian akan terkesan.

Akhirnya, tekanan itu tidak berhenti di peringkat industri atau perniagaan, sebaliknya sampai kepada rakyat yang terpaksa menanggung kenaikan harga dalam kehidupan seharian.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2026	THE STAR	NATION	2

Fahmi: Budi95-style diesel sale on the cards

By ZAKIAH KOYA
zakiah@thestar.com.my

PUTRAJAYA: The Finance Ministry is looking into a mechanism similar to that of Budi95 for the sale of subsidised diesel.

The ministry is likely to present the planned mechanism at the upcoming National Economic Action Council (NEAC) meeting or the next Cabinet meeting, Communications Minister and government spokesperson Datuk Fahmi Fadzil (*pic*) said.

"The next step is to review the targeted subsidy mechanism. We will begin examining the best approach to shift how subsidies

are delivered – for example, from the current cash transfer model like Budi Individu and Budi Diesel, to a mechanism similar to Budi95," he said.

Under the Budi Individu scheme, RM200 aid in cash is given to individuals earning below RM100,000 a year while under Budi Diesel, RM400 is given to farmers and smallholders monthly.

"For the fisheries sector, the Agriculture and Food Security Ministry is in talks with the Malaysian Fisheries Development Authority on a slightly different



mechanism," said Fahmi.

He had been asked if the government was aware of a report that diesel smugglers were using local fishermen for their operations.

Fahmi also said the Cabinet had agreed that Malaysia should upgrade its biodiesel mandate from B10 to B15, with an intermediate B12 phase.

"This transition will not involve any additional cost to the government and will use the existing biodiesel blending infrastructure.

"The biodiesel blending rate will increase from B10 to B15, starting with a B12 blend."

Biodiesel blending mandates are policies requiring a percentage of renewable fuel – typically palm oil-based methyl ester – to be mixed into fossil diesel.

The mandate levels represent the percentage of biodiesel in the mix. B15 refers to a fuel mix of 15% palm methyl ester and 85% petroleum diesel.

WATCH THE
VIDEO
TheStarTV.com



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2026	NEW STRAITS TIMES	NATION	2



Communications Minister Datuk Fahmi Fadzil says the government has deployed security forces at more than 150 high-risk petrol stations, especially in border areas, to curb smuggling. BERNAMA PIC

SHIFTING SUBSIDY DELIVERY

PM ORDERS DIESEL SUBSIDY REVIEW

Findings to be tabled next week amid crackdown on smuggling

NOR AIN MOHAMED RADHI
PUTRAJAYA
ainradhi@nst.com.my

PRIME Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim has instructed the Finance Ministry to review the mechanism for targeted diesel subsidies, in line with systems implemented under the Budi95 initiative.

Government spokesman Datuk Fahmi Fadzil said the findings of the review were expected to be presented next week, either at a National Economic Action Council (NEAC) or a cabinet meeting.

On whether discussions at yesterday's cabinet meeting touched on reports that diesel smugglers had shifted operations to using local fishermen, Fahmi said Anwar had taken a firm stand on diesel-related issues, including leakages, smuggling and misappropriation.

"The government is deploying security forces, particularly the police, at more than 150 high-risk, petrol stations, especially in border areas, to curb smuggling."

Fahmi, who is communications minister, was speaking at his weekly post-cabinet meeting

briefing.

He said that during the NEAC meeting on Tuesday, one petrol station was highlighted after recording fuel sales significantly higher than others nationwide, despite a relatively small surrounding population.

"One step taken is the deployment of police at high-risk stations.

"The second is a review of the targeted subsidy mechanism.

"We are looking at the most effective approach to shift subsidy delivery, for example, from cash transfers under schemes such as Budi Individu to a system similar to Budi95.

"We believe this would better support Malaysians. It is a simpler, more effective mechanism."

On the fisheries sector, he said the Agriculture and Food Security Ministry was studying a mechanism to be discussed with the Malaysian Fisheries Development Authority.

"This will be taken to next week's council meeting."

Kelantan police had said diesel smugglers were believed to have shifted tactics by buying subsidised fuel from local fishermen at sea before selling it to counterparts from Thailand and Vietnam, instead of relying on petrol stations near border areas.

Fahmi said the cabinet had discussed biodiesel implementation, agreeing to raise the blending rate from B10 to B15, beginning with a B12 formulation.

"This will be implemented

without additional cost to the government and will use existing biodiesel blending infrastructure."

He added that Plantation and Commodities Minister Datuk Seri Dr Noraini Ahmad informed the cabinet that B20 biodiesel infrastructure was in place in Sarawak, except in Bintulu, as well as in Labuan and Langkawi.

"The government will review the next steps and the economy minister will conduct a site visit on Saturday to assess biodiesel base materials."

Bernama reported that Petronas had said that fuel supply at its stations is secured until the end of June, extending an earlier projection of end-May coverage.

The company said it continued to manage its supply chain to maintain sufficient stock levels amid global energy pressures linked to the Middle East conflict.

"Petronas supplies about 50 per cent of the country's fuel needs through its subsidiary, Petronas Dagangan Bhd.

"The balance is supplied by other oil companies operating in Malaysia."

"People are encouraged to buy fuel according to daily needs and avoid hoarding or panic buying."

The firm added that responsible consumption would help ensure accessibility for all.

On April 1, Anwar said Petronas was assisting the government in maintaining sufficient oil and gas supplies at least until May.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2026	BERITA HARIAN	NASIONAL	3



Harga baharu runcit diesel di Semenanjung RM5.97 seliter mulai hari ini hingga 22 April. (Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

PM arah teliti segera mekanisme subsidi diesel

Kementerian Kewangan diminta bentang perincian pada Mesyuarat MTEN atau Kabinet

Oleh Rafidah Mat Ruzki
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan Kementerian Kewangan menyegerakan usaha menambah baik proses penyasaran subsidi diesel menggunakan mekanisme sama seperti pelaksanaan BUDI95.

Jurucakap kerajaan, Datuk Fahmi Fadzil, berkata kementerian berkenaan turut diminta membentangkan perincian mengenai mekanisme itu sama ada pada Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Selasa depan atau Mesyuarat Kabinet sehari selepas itu.

Beliau berkata, kerajaan kini meneliti kaedah terbaik untuk menukar pengagihan subsidi BUDI Diesel Individu yang ketika ini disalurkan dalam bentuk pindahan tunai kepada pendekatan lebih efisien seperti BUDI95.

"Kita jangka apabila dilaksanakan kelak, ia akan membantu rakyat Malaysia yang menggunakan kenderaan diesel.

Kerajaan kini teliti kaedah terbaik untuk tukar pengagihan subsidi BUDI Diesel Individu yang ketika ini disalurkan dalam bentuk pindahan tunai kepada pendekatan lebih efisien seperti BUDI95

Fahmi Fadzil, Jurucakap kerajaan



"Kaedah ini lebih mudah, efisien dan bersesuaian jika dibandingkan dengan pelaksanaan BUDI95," katanya pada sidang media mingguan selepas Mesyuarat Jemaah Menteri, semalam.

Fahmi yang juga Menteri Komunikasi berkata, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan turut meneliti mekanisme berbeza bagi pengagihan subsidi bahan api kepada nelayan.

Katanya, perkara itu masih tertakluk kepada perbincangan lanjut, termasuk dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

"Ia akan dibentangkan dan diperincikan dalam mesyuarat MTEN minggu depan sekiranya semua maklumat berkaitan diperoleh," katanya.

Ambil langkah pencegahan

Mengulas laporan mengenai taktik baharu penyeludup diesel, Fahmi berkata, kerajaan sudah mengambil langkah pencegahan termasuk menempatkan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) di 150 stesen minyak di kawasan

sempadan yang dikenal pasti berisiko tinggi.

Katanya, langkah itu susulan terdapat stesen minyak yang mencatatkan penjualan bahan api jauh lebih tinggi berbanding stesen lain di seluruh negara.

"Keadaan ini tidak sepadan dengan jumlah populasi di kawasan sekitar, sekali gus menimbulkan syak wujud aktiviti penyelewengan.

"Justeru, penempatan anggota polis di stesen berisiko tinggi dilaksanakan sebagai langkah segera," katanya.

Kelmarin, media melaporkan penyeludup diesel kini dipercayai membeli bahan api bersubsidi daripada nelayan di tengah laut sebelum menjualnya kepada nelayan dari Thailand dan Vietnam.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Mohd Yusoff Mamat, dilaporkan berkata sebelum ini kegiatan penyeludupan dikesan berlaku di stesen minyak berhampiran sempadan, namun kini beralih ke laut bagi mengelak penguatkuasaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	6

Buah gugur awal dilema pekebun durian

PETALING JAYA: Banyak buah gugur sebelum waktu, saiz tidak seragam dan rasa isi kurang lemak. Ia antara isu yang membelenggu pekebun durian sehingga Jun ini, ekoran cuaca panas menjejaskan kuantiti dan kualiti penghasilan 'raja buah' itu.

Pengusaha ladang durian, Zurfahez Hussin berkata, keadaan itu juga menyebabkan bilangan pokok sakit atau mati meningkat sekiranya tidak diurus dengan baik, lantas mengakibatkan kerugian besar kepada pekebun.

Katanya, cuaca panas bermula sejak awal tahun ini diakui lebih ekstrem berbanding musim terdahulu.

"Risiko utama adalah penurunan hasil dan kualiti buah tidak sekata. Kita mungkin lihat lebih banyak buah gugur, saiz tidak seragam dan isi kurang lemak. Kalau tidak dikawal, kerugian boleh jadi agak besar kepada pekebun.

"Cuaca panas ekstrem amat memberi kesan kepada kualiti buah durian terutama isi dan rasa, sekali gus menjejaskan nilai pasaran.

"Bila pokok 'berpecah' antara bunga, buah dan pucuk, hasil tidak optimum. Kita jangka pengurangan kuantiti dan penurunan kualiti terutama daripada segi isi dan rasa," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Kelmarin, akhbar ini melaporkan, industri durian negara



ZURFAHEZ Hussin di kebun duriannya di Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

yang merekodkan nilai eksport kira-kira RM1 bilion setahun ke China berdepan risiko terjejas daripada segi pengeluaran dan kualiti buah berikutan cuaca panas yang dijangka berlarutan sehingga Jun.

Pensyarah Jabatan Perniagaantani dan Ekonomi Biosumber, Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Norsida Man berkata, keadaan itu boleh menyebabkan jumlah

eksport menurun serta menjejaskan kedudukan Malaysia sebagai pengeluar durian premium di pasaran antarabangsa

Zurfahez berkata, masalah itu akibat kekurangan air apabila pokok mengutamakan kelangsungan hidup berbanding penghasilan buah.

"Apabila berlaku tekanan terhadap keperluan air, pokok akanutamakan survival menyebabkan bunga gugur dan buah tidak

berkembang dengan sempurna. Musim panas tahun ini datang lebih awal dan tempohnya lebih panjang.

"Tanda tekanan sudah mula dilihat sejak Januari lagi. Isu ini bukan kes terpencil kerana ramai pekebun melaporkan simptom sama di kawasan masing-masing. Dalam keadaan ini, menjaga kesihatan pokok lebih penting daripada mengejar hasil maksimum," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2026	HARIAN METRO	LOKAL	18

86 MAUT AKIBAT RABIES

692 anjing sudah disuntik vaksin

Kuching: Sejak dikesan kes pertama di Serian pada 2017, penyakit rabies atau penyakit anjing gila sudah meragut 86 nyawa termasuk tiga mangsa tahun ini.

Susulan itu kerajaan Sarawak menyasarkan untuk mencapai sifar kes rabies atau wabak anjing gila menjelang 2027.

Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah, Datuk Seri Dr Stephen Rundi Utom berkata, sasaran itu ditetapkan menerusi pelaksanaan pelbagai inisiatif termasuk projek rintis vaksinasi rabies secara oral (ORV).

Beliau berkata, vaksin ORV itu akan diagihkan ke kawasan 'hotspot' termasuk Taman Malihah, Batu Kawa dan Serian.

Menurutnya, sebanyak 1,800 dos vaksin disediakan dengan 692 dos sudah

digunakan dalam tempoh tiga hari, membabitkan vaksinasi terhadap 692 ekor anjing.

"Bagi memastikan kejayaan program ini, kerjasama pemilik anjing amat penting dalam usaha menghapuskan penyakit bawaan haiwan ini.

"Saya masih ingat satu kes di Belaga, mangsa hanya menyedari selepas seminggu digigit, namun sudah terlambat.

"Sebenarnya, perkara ini boleh dielakkan dan dirawat jika tindakan diambil lebih awal," katanya selepas Program Pengagihan Vaksin Rabies Secara Oral di Taman Malihah, di sini, semalam.

Dr Rundi berkata, kerajaan negeri yakin pendekatan itu mampu

membantu Sarawak mencapai sasaran sifar rabies dalam tempoh ditetapkan.

**1,800 vaksin ORV
diagih ke kawasan
hotspot**